

Najib lancar Fasa 2 MRT Sungai Buloh-Kajang 17 Julai

PUTRAJAYA – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memilih tarikh 17 Julai ini untuk melancarkan Fasa Dua Projek Transit Aliran Massa (MRT) sekali gus melengkapkan jajaran Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer (km) itu.

Beliau berkata, projek yang akan memberi manfaat kepada 500,000 pengguna pada setiap hari itu akan memulakan operasinya pada bulan depan.

“Saya sudah pilih tarikh cukup istimewa untuk melancarkan Fasa 2 MRT iaitu pada 17 Julai 2017,” katan-

ya ketika berucap pada majlis pelancaran Rancangan Fizikal Negara ketiga, Dasar Perbandaran Negeri kedua dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

Najib berkata, fasa kedua MRT melibatkan laluan dari Semantan-Kajang sejauh 30km itu mempunyai 19 stesen termasuk di lokasi popular di ibu kota iaitu Muzium Negara dan Pasar Seni.

Fasa pertama MRT Sungai Buloh-Semantan beroperasi pada 16 Disember lalu.